

## KEPERLUAN LATIHAN GURU DALAM PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH

*Suriyati Baharin<sup>1</sup> dan Suhaida Abdul Kadir<sup>2</sup>*

*<sup>1</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia*

*<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### Abstrak

Bagi mengelakkan berlakunya kekurangan kemahiran pengurusan yang berlanjutan, guru besar dan guru-guru yang berkepentingan perlu memiliki kompetensi dalam pengurusan kewangan melalui latihan pengurusan kewangan dari masa ke masa. Shahril @ Charil Marzuki (2008) menyatakan, bagi meringankan tugas pengetua atau guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah, pengetua juga perlu membentuk jawatankuasa kewangan sekolah yang terdiri dari pengetua selaku pengerusi dan dibantu oleh GPK 1, selaku naib pengerusi manakala setiausaha terdiri daripada pegawai kerani, sementara ahli-ahlinya terdiri daripada Penolong Kanan HEM, Penyelia Petang, guru-guru kanan mata pelajaran dan guru audit. Latihan dan kursus yang dihadiri oleh guru-guru akan memberi pengetahuan pengurusan kewangan sekolah semasa dan dapat bersama-sama memikul tanggungjawab dalam menguruskan kewangan sekolah. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti keperluan latihan guru dalam pengurusan kewangan sekolah khususnya dalam aspek peruntukan bantuan perkapita geran (PCG), Panjar Wang Runcit (PWR), pembelian barang / aset dan pengurusan barang / aset sekolah. Kaedah yang digunakan berbentuk tinjauan dan melibatkan 169 guru sekolah rendah di Seremban. Dapatan kajian menunjukkan keperluan latihan guru dalam pengurusan kewangan sekolah adalah pada tahap tinggi.

Kata Kunci : Keperluan latihan, Pengurusan Wang Sekolah, PCG, Panjar Wang Runcit, Aset Sekolah.

### Pengenalan

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang disiarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 menjelaskan antara lainya memastikan semua anggota Perkhidmatan Awam mengikuti latihan sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun. Selaras dengan itu dan sebagai satu langkah memartabatkan profesion keguruan (PIPP Teras 5), setiap guru mesti mengikut 7 hari kursus dalam setahun; 2 hari di peringkat JPNJ, 2 hari di peringkat PPD dan 3 hari di peringkat sekolah. Walaupun guru terlibat secara langsung dalam penggunaan kewangan sekolah, kursus mengenai kewangan tidak dianggap penting untuk diadakan di sekolah-sekolah. Pengkaji berpendapat guru perlu ada pengetahuan dan menguasai kemahiran asas dalam pengurusan kewangan sekolah untuk mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan dalam tatacara pengurusan kewangan sekolah.

Apabila peruntukkan untuk murid tidak dikendalikan dengan baik, ianya akan mengakibatkan kerugian pada murid itu sendiri dan ini sepatutnya tidak berlaku dalam organisasi pendidikan yang menyebarkan ilmu pengetahuan. Setiap sen yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk murid harus dikembalikan kepada murid. Antara sebab penting wujudnya situasi dimana salah-urus dalam kewangan sekolah hingga dikenakan tindakan audit bersyarat oleh Jabatan Audit adalah kerana sekolah gagal mengurus kewangan sekolah dengan baik. Untuk mengelakkan berlakunya kekurangan kemahiran pengurusan yang berlanjutan, guru besar dan guru-guru yang berkepentingan perlu memiliki kompetensi dalam pengurusan kewangan melalui latihan pengurusan kewangan dari masa ke masa. Latihan dan kursus yang dihadiri oleh guru-guru akan memberi pengetahuan pengurusan kewangan sekolah semasa dan dapat bersama-sama memikul tanggungjawab dalam menguruskan kewangan sekolah.

### Sorotan Literatur

Menyedari pentingnya usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam sektor awam, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah ditetapkan iaitu setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri / dilengkapkan dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 6 Tahun 2005 menetapkan bahawa semua anggota perkhidmatan awam perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun.



Mesyuarat Majlis Latihan Sektor Awam pada 18 Ogos 2008 telah bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan pendekatan Blended Approach iaitu menambah peluang-peluang latihan dan tidak menghadkan kepada latihan face-to-face anjuran Kementerian sahaja. Ini memberi peluang kepada guru besar untuk menganjurkan kursus yang berkaitan dengan pengurusan kewangan sekolah. Pihak sekolah perlu mengadakan program-program tertentu mengubah sikap guru bagi melicinkan lagi pengurusan kewangan sekolah. Guru-guru perlu diberi kesedaran betapa pentingnya pengurusan kewangan sekolah. Dalam pada itu, nilai-nilai positif seperti akauntabiliti, telus (transparent), amanah, bertanggungjawab dan sebagainya perlu diterapkan. Program-program itu dapat dijalankan sebagai program perkembangan staf (latihan dalam perkhidmatan) di sekolah. (Shahril @ Charil bin Hj Marzuki, 2005). Mosley (2008) merumuskan bahawa pengurusan adalah proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal dengan mengabungkan sumber manusia, sumber kewangan dan sumber teknologi untuk mencapai matlamat organisasi. Adalah penting bagi guru besar untuk meningkatkan kompetensi diri guru sebagai sumber manusia yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam pengurusan kewangan bagi memastikan mereka memberi input yang sewajarnya kepada sekolah. Ada kalangan guru tidak mengetahui jumlah sebenar perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan PWR dan tatacara penggunaan PWR. Loo (1999) dalam Shahril @ Charil Marzuki (2008) menyatakan guru-guru juga perlu diingatkan supaya mengikut prosedur yang ditetapkan oleh kementerian terutama menggunakan peruntukan wang kerajaan.

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti latihan pengurusan kewangan yang diperlukan oleh guru.

### Metodologi

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal-selidik. Yong Chooi Yean (2007) berpendapat bahawa penggunaan soal selidik adalah satu cara yang baik dalam kajian analisis disebabkan cara ini mampu memberi banyak maklumat. Reka bentuk kajian penggunaan soal selidik dipilih kerana secara umumnya ia digunakan untuk mengetahui tentang sikap, kepercayaan, nilai, demografi, pendapat, keinginan, idea dan lain-lain maklumat berkaitan dengan sekumpulan orang.

Soal-selidik dibina berpandukan kajian pengurusan personel Rosnani Jusoh (2005) dan kajian Kumaran (2008). Ujian kebolehppercayaan ditentukan menggunakan analisis 'Cronbach's Alpha'. Mohd Majid Konting (2000) berpendapat nilai yang melebihi aras 0.60 adalah dianggap sesuai untuk menjalankan kajian. Nilai alpha bagi kajian ini ialah .977. Kajian mendapati bilangan responden yang telah lama berkhidmat di sekolah melebihi 10 tahun seramai 113 orang (66.9%) daripada 169 sampel namun masih ramai lagi responden yang belum pernah menghadiri kursus kewangan secara formal. Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratus responden menghadiri kursus kewangan. Kajian mendapati seramai 20 orang (11.8%) pernah menghadiri kursus kewangan secara formal manakala seramai 149 orang (88.2%) orang tidak pernah mengikuti mana-mana kursus kewangan secara formal. Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratus responden menghadiri kursus kewangan.

Jadual 1 : Kekerapan dan Peratus Responden Menghadiri Kursus Pengurusan Kewangan

PERNAH BERKURSUS	Kekerapan ( N = 169 )	Peratus ( % )
Ya	20	11.8
Tidak	149	88.2
Jumlah	169	100



Jadual 2 menunjukkan persepsi guru secara keseluruhan mengenai keperluan latihan pengurusan kewangan sekolah dalam empat aspek iaitu PCG, PWR, pembelian dan pengurusan barang / aset sekolah (min = 4.15 , sp 0.46) Min disusun mengikut tertib menurun. Dapatan kajian menunjukkan keperluan latihan guru dalam pengurusan kewangan adalah tinggi, dimana PCG ( min = 4.24, sp 0.43) diikuti PWR ( min=4.20, sp 0.39), pembelian barang / aset ( min = 4.14, sp 0.49) dan pengurusan barang / aset (min = 4.03 , sp 0.54)

Jadual 2 : Min dan Sisihan Piawai Keperluan latihan Guru

Keperluan Latihan	min	sp
Pengurusan Barang / Aset	4.03	0.54
Pembelian Barang / Aset	4.14	0.49
Panjar Wang Runcit	4.20	0.39
Peruntukkan PCG	4.24	0.43
Keseluruhan	4.03	0.46

### Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap keperluan latihan guru dalam aspek PCG,PWR ,pembelian barang/aset,pengurusan barang / aset adalah tinggi .Secara keseluruhan (min = 4.03, SP= 0.46) . Ini bermakna guru memerlukan latihan dalam pengurusan kewangan sekolah dalam aspek yang dikaji.Guru tidak maklum mengenai kepentingan mengetahui peruntukan PCG dan PWR untuk digunakan bagi keperluan pengajaran dan pembelajaran murid. Guru juga tidak maklum tentang hak mereka dalam penggunaan PWR. Ada dikalangan guru tidak mengetahui jumlah sebenar perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan PWR dan tatacara penggunaan PWR. Dapatan menunjukkan 71.6% guru mendapatkan maklumat mengenai PCG,PWR ,pembelian dan pengurusan aset melalui pihak pentadbir.Loo( 1999) dalam Shahril @Charil Marzuki (2008) menyatakan guru-guru juga perlu diingatkan supaya mengikut prosedur yang ditetapkan oleh kementerian terutama menggunakan peruntukan wang kerajaan.Melalui latihan atau kursus , guru akan berpeluang mengetahui peranan mereka dalam aspek pengurusan wang kerajaan melalui tatacara yang betul.

Dapatan dalam aspek pembelian dan pengurusan barang / aset juga menunjukkan keperluan latihan guru adalah tinggi kerana berdasarkan kajian terdapat guru yang tidak mengetahui cara pembelian barang yang dibenarkan dan tidak mengetahui prosedur kewangan mengikut tatacara yang betul semasa membeli barang /aset sehingga menyebabkan timbulnya masalah dalam pengurusan kewangan sekolah. Kurangnya kompetensi dalam pembelian dan pengurusan barang / aset ini akan menyebabkan berlakunya pembaziran dalam perbelanjaan . Peruntukan yang ada sepatutnya digunakan sebaik mungkin untuk memberi faedah yang optimum kepada murid.

Menurut Shahril Marzuki ( 2008) pengetua atau guru besar perlu mengelakkan pembelian berdasarkan keputusan yang tergesa-gesa dan tanpa penilaian kerana ini mewujudkan pembaziran dan pembelian tidak tepat. Loo ( 1999) dalam Shahril Marzuki ( 2008) menyatakan kecuaiian guru kerana membuat pembelian .sesuka hati tanpa memeriksa baki peruntukan yang ada menyebabkan berlakunya kekurangan pada peruntukan dalam kewangan sekolah.Bagi mengelakkan perkara yang sama berulang , guru –guru perlu menghadiri latihan untuk mengetahui tatacara pengurusan kewangan sekolah yang betul.

Pengkaji mencadangkan agar kajian ini diteruskan oleh unit latihan Kementerian Pendidikan .Guru-guru boleh menghadiri kursus pengurusan kewangan sekolah melalui program Latihan Dalam Perkhidmatan yang diwajibkan tujuh hari setahun. Kajian ini adalah perlu



memandangkan guru harus mempunyai kompetensi dalam melaksana perbelanjaan sekolah yang berkaitan. Menurut Shahril Marzuki (2005) masalah pengurusan kewangan yang kurang cekap dan mahir dapat diselesaikan dengan mewajibkan guru besar, pengetua ataupun pegawai kerani (terutamanya yang baru dilantik menghadiri kursus pengurusan kewangan sekolah yang dikendalikan pihak IAB, JPN ataupun KPM. Kursus kewangan ini boleh diperluaskan kepada guru yang memegang jawatan di sekolah contohnya guru panitia. Kajian yang dicadangkan merangkumi adakah latihan mengenai pengurusan kewangan sekolah perlu dihadiri sekali dalam tempoh perkhidmatan atau latihan perlu dihadiri dari semasa ke semasa bagi memastikan input terkini diperolehi. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (1997) adalah menjadi tanggungjawab kepada pengetua/ guru besar yang diberi kuasa untuk memahami dan memenuhi peraturan kewangan 1957 dan surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan dan adalah menjadi tanggungjawab guru besar/pengetua memastikan guru –guru mengetahui tatacara pengurusan kewangan sekolah.

### **Kesimpulan**

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui keperluan latihan guru dalam pengurusan kewangan sekolah dalam empat aspek utama yang dikaji. Pada dasarnya setelah menganalisis soal-selidik 169 responden, dapatan ini menunjukkan tahap keperluan latihan guru dalam pengurusan kewangan sekolah adalah tinggi dan tindakan yang bersesuaian perlu diambil untuk meningkatkan kompetensi guru dalam pengurusan kewangan sekolah. Tindakan wajar ini akan dapat membantu pihak pengurusan sekolah melicinkan lagi pengurusan kewangan sekolah dan peruntukkan wang kerajaan untuk murid dapat diurus sebaik mungkin.

### **Rujukan**

- Abu Marwan (2010). Pengurusan sumber manusia berteraskan kompetensi .  
<http://abumarwan-renunganfakir.blogspot.com/2010/07/pengurusan-sumber-manus>
- Grubb, W. N., Huerta, L. A., & Goe, L. (2006). Straw into gold, revenues into results: Spinning out the implications of the improved school finance. *Journal of Education Finance*, 31(4), 334-359
- Jabatan Audit Negara Malaysia (2008). *Kecemerlaangan Pengurusan Kewangan Dari Perspektif Jabatan Audit Negara*, Kuala Lumpur
- Kumaran a/l Damotharan (2008). *Persepsi Guru Terhadap Kecukupan Sumber Kewangan Sekolah Dan Tahap Pengurusan Kewangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Di Daerah Seremban, Negeri Sembilan*. UPM: Serdang
- Mohamed A'sdi b Mohamed (2006). *Etika Pengetua dalam Pengurusan Kewangan Sekolah : Satu Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Daerah Hulu Perak*, Universiti Malaya
- Noridah Ab.Rahim. (2003). *Amalan pengurusan kewangan pengetua-pengetua sekolah menengah negeri Melaka*. Tesis sarjana pendidikan Universiti Putra Malaysia, Selangor
- Rosnani Jusoh. (2005). *Pengurusan Personel Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication Sdn Bhd
- Shahril@Charil Marzuki (2008), *Dasar Kewangan Pendidikan*, Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPK) Bil .9 (2004) Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Hj Ambrin b Buang . 2005. *Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah*, Kementerian Pelajaran Malaysia: Putrajaya

